



JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK IKLAN JAWATAN KOSONG

PEMOHON-PEMOHON ADALAH DIPELAWA DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA RAKYAT DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN YANG BERKELAYAKAN SAHAJA, LAYAK MEMOHON KEKOSONGAN JAWATAN DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK.

JAWATAN	GAJI / ELAUN
1. PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G27	Gaji - RM1,555.00 Elaun - RM 200.00

B. SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN KELULUSAN

1. **PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G27**

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - Keutamaan adalah **Rakyat Negeri Perak**;
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Sekurang-kurangnya **Diploma Perhutanan** yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
 - Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- Taraf Jawatan : ***Contract for Service***

CARA-CARA MEMOHON :

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan JPN 1/2015 yang boleh didapati secara PERCUMA di Kaunter Jabatan Perhutanan Negeri Perak (Bahagian Pentadbiran) dan boleh juga dimuat turun dilaman web jabatan (www.perakforestry.gov.my).
2. Permohonan juga dikehendaki mengemukakan 'resume' beserta dengan salinan sijil-sijil persekolahan, kad pengenalan, sijil kelahiran, gambar terkini berukuran pasport serta lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan (*salinan sijil perlu disahkan*).
3. Permohonan dari pegawai sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing.
4. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah ditulis nama jawatan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan dikirim atau datang sendiri ke alamat berikut :-

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
ARAS 1, BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **19 Jun 2015**

CATATAN AM:-

1. Hanya calon-calon yang berkelayakan selepas ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
3. Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perak berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah **muktamad**.
4. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang **mempunyai kemahiran dan berpengalaman dengan jawatan yang dipohon**.
5. Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perak tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.